



Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd 201001019176 (902884-V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



UNTUK EDARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

MRT CORP MENGUMUMKAN PELANTIKAN TAN SRI DR. WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ SEBAGAI PENERUS BAHARU

KUALA LUMPUR, 18 Ogos 2026 – Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) hari ini mengumumkan pelantikan Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz sebagai penerus baharu, berkuat kuasa pada 13 Ogos 2026.

Pelantikan Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan dibuat ketika MRT Corp memasuki fasa penting dalam pelaksanaan mandatnya untuk membangunkan infrastruktur rel dan pembangunan bandar negara. MRT Corp kini sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur utama, termasuk RTS Link Johor Bahru-Singapura dan LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang. Pada masa yang sama, MRT Corp terus memperkukuh keupayaannya dalam pembangunan berorientasikan transit, pembangunan hartanah bersepadu dan penajaan hasil komersial.

Mengalu-alukan pelantikan beliau, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Mohd Zarif Hashim berkata:

“Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran awam, tadbir urus dan kepimpinan institusi. Pengalaman beliau akan memberi nilai yang besar kepada MRT Corp dalam melaksanakan projek infrastruktur utama negara serta memperkukuh peranannya dalam memajukan agenda mobiliti dan pembangunan bandar di Malaysia. Kepakaran beliau dalam pengurusan institusi dan pelaksanaan dasar juga akan membantu MRT Corp terus memperkukuh keupayaan pelaksanaannya serta memenuhi mandatnya sebagai pemangkin kepada kelestarian bandar dan mobiliti rakyat,” kata beliau.

Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan kini merupakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, jawatan yang disandang beliau sejak Januari 2024. Sepanjang lebih tiga dekad dalam perkhidmatan awam Malaysia, beliau telah memegang beberapa jawatan penting termasuk Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri; Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri; dan Datuk Pengelola Bijaya Diraja di Istana Negara.

Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomati pada tahun 1995 dan telah berkhidmat di pelbagai kementerian serta institusi kerajaan utama. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah memperoleh pengalaman luas dalam pentadbiran awam, tadbir urus, kepimpinan institusi dan pelaksanaan dasar.

Selain perkhidmatan awam, Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan turut memegang beberapa jawatan kepimpinan di institusi utama negara. Beliau kini merupakan Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Razak School of Government, selain menganggotai lembaga beberapa organisasi termasuk Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

-TAMAT-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Malathi Pillay: +6012-284 8830 / malathi@mymrt.com.my

Norashikin Nordin: +6016-621 0569 / norashikin.nordin@mymrt.com.my